



# NOTA TUDINGAN

# SPM 2023

# قنديد يقين إسلام

Disediakan oleh :  
Mohd Fadhi Bin Che Kamarudin  
SMK Kuala Krai, Kelantan  
Tel : 019-9791441



# KANDUNGAN

PELAJARAN	TAJUK	MUKA SURAT
	<b>BIDANG AL-QURAN</b>	
Tingkatan 4	Larangan Rasuah	2
Tingkatan 4	Memahami Sunnatullah	2
Tingkatan 4	Larangan Mempersendakan Agama	3
Tingkatan 5	Memahami Keutamaan Dalam Tindakan	3
Tingkatan 5	Kepelbagaian Bangsa Dalam Islam	4
Tingkatan 4/5	Hukum Tajwid	4
	<b>BIDANG HADIS</b>	
Tingkatan 4	Kemuliaan Berdikari	5
Tingkatan 5	Setiap Orang lalah Pemimpin	5
	<b>BIDANG AKIDAH</b>	
Tingkatan 4	Perkara Yang Membatalkan Iman	6
Tingkatan 4	Al-Muntaqim : Allah Maha Pembalas	6
Tingkatan 5	Al-Raqib : Allah Maha Mengawasi	7
Tingkatan 4	Hindari Ajaran Sesat	7
Tingkatan 5	Ahli Al-Sunnah Wal-Jamaah	8
	<b>BIDANG FEKAH</b>	
Tingkatan 4	Haji Dan Umrah	9
Tingkatan 4	Muamalat Dalam Islam	10
Tingkatan 4	Solat Sunat Duha & Solat Sunat Gerhana	10
Tingkatan 5	Solat Sunat Istikharah & Solat Sunat Tasbih	11
Tingkatan 5	Perkahwinan	11
Tingkatan 5	Meminang / Mahar / Kemahiran Keibubapaan	12
Tingkatan 5	Isu-isu Dalam Perkahwinan	13
Tingkatan 5	Idah / Rujuk / Nusyuz	14
Tingkatan 5	Poligami / Hadanah / Anak Angkat	15
Tingkatan 5	Faraid Dalam Islam / Jenayah Dalam Islam	16
	<b>BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM</b>	
Tingkatan 4	Kerajaan Umayyah	17
Tingkatan 4	Kerajaan Abbasiyah	18
Tingkatan 4	Keunggulan Tokoh Empat Mazhab	19
Tingkatan 5	Salahuddin Al-Ayubi / Ahmad bin Ibrahim	20
	<b>BIDANG AKHLAK ISLAMIAH</b>	
Tingkatan 4	Bersikap Benar Menjauhkan Kemunafikan	21
Tingkatan 4	Adab Terhadap Orang Sakit	21
Tingkatan 4	Wasatiah Menjamin Kecemerlangan Umat	22
Tingkatan 5	Istiqamah Jalan Menuju Mujahadah	23
Tingkatan 5	Alam Sekitar Penenang Hati	23
Tingkatan 5	Panduan Mudah Menjawab Soalan	24

**NOTA TUDINGAN : PENDIDIKAN ISLAM SPM 2023**  
 Disediakan oleh : Ust Mohd Fadhli Che Kamarudin ( SMK Kuala Krai )



**TAJUK :  
LARANGAN  
RASUAH**

Cara batil/salah mengambil harta orang lain

- Salah guna kuasa
- **Menipu**
- **Mencuri**
- Riba
- **Judi**
- **Merompak**
- Rasuah

Maksud Rasuah

- Sebarang **pemberian atau suapan** yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan kepada pesalah

Bentuk kesalahan rasuah

- Meminta atau **menerima rasuah**
- Menawarkan atau **memberikan rasuah**
- Mengemukakan **tuntutan palsu**

Contoh perbuatan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan.

MEMALSUKAN KEBENARAN	MEMBENARKAN KEPALSUAN
Contohnya : Memberikan rasuah kepada seseorang agar <b>menyimpan rahsia</b> supaya kebenaran tidak dibongkarkan.	Contohnya : Memberikan rasuah untuk <b>meluluskan tender</b> sehingga menutup peluang orang lain yang lebih layak

Kesan perbuatan rasuah

Terhadap Individu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Allah SWT dan RasulNya <b>melaknat</b> pemberi dan penerima rasuah.</li> <li>• Menjadikan individu <b>hilang harga diri</b> kerana perbuatan itu berdosa.</li> </ul>
Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan <b>kes jenayah</b> dalam masyarakat kerana sifat mementingkan diri sendiri.</li> </ul>
Negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Melumpuhkan ekonomi</b> negara akibat daripada kos pengurusan yang meningkat</li> </ul>

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah mencari **rezeki yang halal** agar tidak menyalahi Syariat Islam.
- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada memberikan **rasuah** supaya kita tidak menzalimi diri dan masyarakat.

**TAJUK :  
MEMAHAMI  
SUNNATULLAH**

Maksud Sunnatullah

- **Sistem / peraturan yg ditetapkan Allah terhadap semua makhluk & tiada siapa yg boleh mengubahnya**

Sebab turun ayat

- Selepas para sahabat dan Nabi SAW kalah dalam Perang Uhud, Rasulullah SAW mengadu dan memohon bantuan Allah, lalu turunlah ayat ini.

Konsep Sunnatullah

- Bersifat **tetap dan kekal**
- **Merangkumi semua makhluk**

Kesan memahami Sunnatullah

- **Merancang strategi dgn teliti** dlm setiap tindakan utk mencapai kejayaan.
- **Menerima ketetapan Allah** dgn bersikap positif dalam setiap keadaan

Sebab Kejayaan Umat terdahulu

- **Kaum Nabi Yusuf a.s** : Menyimpan bekalan semasa musim menuai
- **Talut & tentera** : Mempunyai kelebihan ilmu pengetahuan & tubuh yang kuat

Sebab Kemusnahan Umat terdahulu

- **Kaum Tsamud** : Bersikap angkuh dan menuduh Nabi Soleh a.s. pendusta
- **Kaum Lut** : Ingkar perintah Allah dgn mengamalkan homoseksual

Kepentingan kaji sejarah umat terdahulu

- Dapat mengenal pasti **sebab kejayaan** umat terdahulu.
- Dapat mengetahui **sebab kemusnahan** umat terdahulu

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah **menjaga keimanan** agar selamat dunia akhirat
- Kita hendaklah **mengkaji sejarah umat terdahulu** agar menjadi pedoman

**TAJUK :  
LARANGAN  
MEMPERSENDA  
AGAMA**

Bentuk perbuatan mempersenda agama.

- Bangga mempersendakan **nama Allah**
- Mengejek **Sunnah Rasulullah SAW**
- Menghina golongan **ulamak**
- Menyanjung perbuatan **maksiat**

Cara menjaga kesucian Islam

- **Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW** agar maruah terpelihara.
- **Meningkatkan kualiti ibadat fardu dan sunat** demi menjamin keutuhan akidah
- **Memperkasakan program keilmuan** berbentuk bimbingan seperti ceramah dan forum agama

Kesan mempersenda agama

- Boleh **membatalkan iman**
- **Tidak dipandang** oleh Allah di akhirat

Balasan mempersenda Islam

- Ditimpakan **azab yang pedih** di neraka
- Diberi minuman **air panas yang menggelegak** di akhirat

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah **mempertahankan kesucian Islam** dengan pendekatan yang terbaik.
- Kita hendaklah **menjauhan diri daripada golongan yang mempersendakan agama** agar hidup diberkati Allah

**TAJUK :  
MEMAHAMI  
KEUTAMAAN  
DALAM  
TINDAKAN**

Sebab turun ayat

- Beberapa sahabat bincang amalan utama selepas pembukaan Mekah. Percakapan mereka ditegur oleh Sayidina Umar kerana meninggikan suara. Kemudian Sayidina Umar mengadu kepada Rasulullah SAW.

Maksud Fiqh al-Aulawiyat

- **Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak**

Bidang Pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyat

- **Ilmu & Pemikiran** = Contoh : Mengutamakan ilmu menunaikan solat yang betul berbanding dengan ilmu lain
- **Amalan** = Contoh : Mengutamakan bersedekah berbanding dengan gotong-royong  
: Mengutamakan program berbentuk kebajikan masyarakat berbanding dgn memperbanyak amalan sunat untuk peribadi.
- **Tuntutan syarak** = Contoh : Mengutamakan pelaksanaan zakat yang wajib sebelum bersedekah

**Prinsip Am** : Mengutamakan perkara pokok berbanding dengan perkara cabang

Aplikasi : - Mengutamakan amalan fardu ain berbanding fardu kifayah  
- Mengutamakan amalan fardu berbanding amalan sunat

Prinsip asas Fiqh al-Aulawiyat

- Bersumberkan **dalil syarak**
- Mengambil kira tahap **keupayaan individu**
- Mengambil kira **keperluan semasa dan setempat**

Kepentingan Fiqh al-Aulawiyat

- **INDIVIDU** : Memastikan tindakan manusia terkawal / Hasil kerja yang berkualiti
- **MASYARAKAT** : Mewujudkan kesejahteraan sosial dalam pengurusan kehidupan/  
: Mewujudkan masyarakat yg berjaya mengurus sistem kehidupan yang cekap

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah **berhijrah kepada yang lebih baik** agar hidup diberkati Allah.
- Kita hendaklah **berjihad dengan harta dan tenaga** agar dapat ganjaran besar di sisi Allah

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Orang yang paling bertakwa supaya kamu pelbagai bangsa lelaki dan perempuan sesungguhnya kami telah menciptakan kamu

**TAJUK :  
KEPELBAGAIAN  
BANGSA DALAM  
ISLAM**

Sebab turun ayat

- Rasulullah SAW meminta Sayidina Bilal r.a melaungkan azan semasa pembukaan Kota Mekah. / Terdapat sahabat yang memandang rendah kepada Sayidina Bilal r.a. dan Jibril a.s telah memberitahu Rasulullah SAW hal tersebut, lalu turunlah ayat ini.

Tuntutan / Isi kandungan ayat.

- Tuntutan **saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa**
- Keutamaan takwa**

Konsep / Tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa

- Menjalin perpaduan** dan perhubungan yang harmoni
- Menjalin **hubungan dengan orang bukan Islam** selagi mereka tidak memusuhi Islam

Keutamaan takwa

- Manusia adalah **sama di sisi Allah**.
- Allah tidak melihat jantina atau bangsa tetapi **Allah memandang hati dan amalan** hambaNya

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah **saling bekerjasama** untuk membina kehidupan yang harmoni.
- Kita hendaklah berusaha untuk memperbaiki akhlak supaya menjadi **insan bertakwa**
- Kita hendaklah menghormati **kepelbagaian bangsa** agar hidup bersatu-padu

**HUKUM  
TAJWID**

Qalqalah

**Maksud Qalqalah**

Bunyi lantunan ketika menyebut huruf-huruf Qalqalah (ق / ط / ب / ج / د)

**Bahagian Qalqalah**

Qalqalah Sughra  
Qalqalah Kubra  
Qalqalah Akbar

**Cara Bacaan**

Bunyi lantunan yg **rendah**  
Bunyi lantunan yang **kuat**  
Bunyi lantunan **lebih kuat**

Ibtidak

**Maksud Ibtidak**

Memulakan bacaan al-Quran selepas wakaf

**Jenis Ibtidak**

Ibtidak Hasan  
Ibtidak Qobih

**Hukum Bacaan**

Harus  
Tidak harus

Wakaf

**Jenis Wakaf**

Wakaf Tam  
Wakaf Kafi  
Wakaf Hasan  
Wakaf Qobih

**Tanda Wakaf**

م  
❖ ❖  
قف  
ح  
صل

**Cara Bacaan**

Wajib wakaf  
Harus wakaf pada salah satu tempat  
Wakaf lebih utama  
Harus wakaf atau wasal  
Wasal lebih utama

Mad Lazim

**Maksud Mad Lazim**

Huruf Mad bertemu dgn huruf bertanda sukun 'mati' ketika bacaan secara wasal atau waqaf

**Bahagian Mad Lazim**

Mad Lazim Kalimi  
Mad Lazim Harfi

Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf  
Mad Lazim Kalimi Mutsaqqal  
Mad Lazim Harfi Mukhaffaf  
Mad Lazim Harfi Mutsaqqal

**Contoh**

ءَآءِن  
وَلَا الضَّالِّينَ  
عَسَقَ  
الْم

**Cara Bacaan**

6 Harakat (tidak dibaca idgham)  
6 Harakat (dibaca idgham)  
6 Harakat (tidak dibaca idgham)  
6 Harakat (dibaca idgham)

**NOTA TUDINGAN : PENDIDIKAN ISLAM SPM 2023**  
 Disediakan oleh : Ust Mohd Fadhli Che Kamarudin ( SMK Kuala Krai )



**TAJUK :  
KEMULIAAN  
BERDIKARI**

Pekerjaan  
para Nabi /  
Rasul

NAMA NABI	PEKERJAAN
Nabi Adam a.s	Petani
Nabi Idris a.s	Tukang jahit
Nabi Musa a.s	Penternak kambing
Nabi Daud a.s	Tukang besi
Nabi Zakaria a.s	Tukang kayu
Nabi Muhammad SAW	Pengembala kambing dan Peniaga

Maksud Berdikari

- **Berusaha sendiri** dan **tidak bergantung** pada bantuan orang lain.
- **Menyakini kemampuan diri** untuk melaksanakan sesuatu tugas.
- **Berusaha dengan bersungguh-sungguh** untuk menyara kehidupan.
- **Membebaskan diri daripada bergantung** pada pihak lain
- **Agama** : Menjadikan **Islam dipandang tinggi**
- **Ekonomi** : Masyarakat mendapat **sumber pendapatan** yang diyakini **halal**.
- **Pendidikan** : Melahirkan modal insan yang pakar melalui penerokaan ilmu
- **Kemasyarakatan** : **Memperkasakan daya saing** masyarakat untuk tingkatkan taraf hidup.
- Kita hendaklah membantu orang lain ikut keupayaan agar hidup dirahmati Allah
- Kita hendaklah **menghindari perbuatan meminta-minta** dan bergantung pada orang lain agar maruah diri terpelihara.
- Mendalami ilmu secara berterusan tentang perkerjaan yang ingin dilakukan.
- Berusaha bersungguh-sungguh tanpa menjatuhkan orang lain

Maksud kalimah yang bergaris dalam hadis:

ظَهْرِهِ = belakangnya

فِيْعَطِيْهِ = maka memberi kepadanya

Konsep berdikari

Kelebihan berdikari

Pengajaran hadis

Cara mencapai kejayaan secara beradab dan istiqamah

**TAJUK :  
SETIAP  
ORANG  
IALAH  
PEMIMPIN**

Golongan Pemimpin  
Dalam Hadis

- Suami - Anak
- Isteri - Pekerja

Golongan	Contoh Tanggungjawab
Pemimpin	- Menegakkan <b>syariat Islam</b> - <b>Berlaku adil</b> dan menghapuskan kezaliman
Suami	- <b>Memberi nafkah</b> kepada anggota keluarga - Memberi <b>didikan agama</b> kepada isteri dan anak-anak
Isteri	- <b>Menguruskan rumahtangga</b> - <b>Mentaati suami</b> dan menunaikan haknya
Pekerja	- <b>Mengikut arahan</b> ketua - <b>Melaksanakan tugas</b> dengan sempurna
Anak	- Sentiasa <b>mendoakan</b> ibu bapa - Sentiasa <b>membantu</b> mereka dengan sebaik-baiknya

Tanggungjawab

Maksud kalimah yang bergaris dalam hadis:

رَاعٍ = pemimpin

وَالْخَادِمِ = pekerja

الْإِمَامُ رَاعٍ مَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

= Imam itu ialah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepimpinannya

Nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya

- Mengesakan Allah - Bersabar atas segala musibah
- Mendirikan solat - Menjauhi sikap sombong
- Berbuat baik kepada ibu bapa

Implikasi / Kesan anak yang derhaka

- Hidup tidak diberkati Allah kerana mengguris hati ibu bapa
- Jiwa tidak tenang kerana memikirkan dosa yang dilakukan

Pengajaran hadis

- Kita hendaklah **bersikap amanah** dalam pekerjaan supaya rezeki diberkati.
- Kita hendaklah **berbakti kepada ibu bapa** kerana jasa mereka tidak terbalas.
- Kita hendaklah melindungi anggota keluarga agar selamat dunia dan akhirat.



**TAJUK :  
PERKARA YANG  
MEMBATALKAN  
IMAN**

Cara iman terbatal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melalui <b>Perkataan</b></li> <li>Melalui <b>Perbuatan</b></li> <li>Melalui <b>Iktikad</b></li> </ul>								
Maksud batal iman melalui <b>iktikad</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Iman terbatal dengan sebab <b>tidak percaya</b> atau <b>ragu-ragu</b> dengan perkara yang berkaitan <b>Uluhiyyah, Nubuwwah, Perkara Ghaibiyat dan Syariah</b>.</li> </ul>								
Contoh iktikad yang batalkan iman.	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 20%; padding: 5px;"><b>Al-Uluhiyyah</b></td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai pencipta</li> <li>Mengingkari sifat kesempurnaan Allah</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;"><b>Al-Nubuwwah</b></td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari kenabian salah seorang atau semua nabi</li> <li>Mengingkari kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul dan Nabi yang terakhir</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;"><b>Al-Ghaibiyat</b></td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari kewujudan alam barzah dan hari kiamat</li> <li>Mengingkari kewujudan malaikat dan jin</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;"><b>Al-Syariah</b></td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari rukun Islam atau satu daripadanya.</li> <li>Mengingkari hukum yg ditetapkan oleh Allah spt haram zina</li> </ul> </td> </tr> </table>	<b>Al-Uluhiyyah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai pencipta</li> <li>Mengingkari sifat kesempurnaan Allah</li> </ul>	<b>Al-Nubuwwah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari kenabian salah seorang atau semua nabi</li> <li>Mengingkari kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul dan Nabi yang terakhir</li> </ul>	<b>Al-Ghaibiyat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari kewujudan alam barzah dan hari kiamat</li> <li>Mengingkari kewujudan malaikat dan jin</li> </ul>	<b>Al-Syariah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari rukun Islam atau satu daripadanya.</li> <li>Mengingkari hukum yg ditetapkan oleh Allah spt haram zina</li> </ul>
<b>Al-Uluhiyyah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai pencipta</li> <li>Mengingkari sifat kesempurnaan Allah</li> </ul>								
<b>Al-Nubuwwah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari kenabian salah seorang atau semua nabi</li> <li>Mengingkari kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul dan Nabi yang terakhir</li> </ul>								
<b>Al-Ghaibiyat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari kewujudan alam barzah dan hari kiamat</li> <li>Mengingkari kewujudan malaikat dan jin</li> </ul>								
<b>Al-Syariah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingkari rukun Islam atau satu daripadanya.</li> <li>Mengingkari hukum yg ditetapkan oleh Allah spt haram zina</li> </ul>								
Maksud batal iman melalui <b>perkataan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Percakapan</b> yang mengandungi <b>pengakuan kufur</b> atau penafian akidah Islam, atau mempersendakan hukum-hakam Islam</li> </ul>								
Contoh <b>perkataan</b> yang membatalkan iman	<ul style="list-style-type: none"> <li>“Saya tidak lagi beragama Islam”</li> <li>“Rasulullah pun buat dosa”</li> <li>“Bilal itu telah menyalak seperti anjing”</li> </ul>								
Contoh <b>perbuatan</b> yang membatalkan iman.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengoyak Mashaf al-Quran</li> <li>Sujud kepada berhala dengan sengaja</li> </ul>								
<b>Syarat</b> terbatalnya iman seseorang	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Melakukan</b> perkara yang jelas membawa diri kepada kufur.</li> <li><b>Mengetahui</b> perkara yang dilakukan membawa kepada kekufuran</li> <li>Melakukan sesuatu perkara dengan <b>sengaja</b> tanpa paksaan.</li> </ul>								
Kesan melakukan perkara batalkan iman	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dosa tidak diampunkan Allah sekiranya tidak bertaubat kepada Allah</li> <li>Diharamkan memasuki syurga kerana melanggar perintah Allah</li> </ul>								
Cara menjauhi perkara membatalkan iman.	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Mendalami ilmu akidah Islam</b> agar iman bertambah mantap</li> <li><b>Bersahabat</b> dgn orang soleh agar dapat membimbing ke arah kebaikan</li> <li><b>Berdoa</b> memohon petunjuk Allah agar istiqamah atas agama Islam</li> </ul>								

**TAJUK :  
AL-MUNTAQIM**

Maksud al-Mutaqim	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah <b>Maha Pembalas</b> dengan <b>menimpakan azab</b> terhadap orang yang <b>melampaui batas</b>.</li> </ul>
Bukti kefahaman nama Allah al-Mutaqim	<ul style="list-style-type: none"> <li>Allah memberikan pembalasan dengan <b>seksaan neraka</b> terhadap <b>orang yang menolak peringatan al-Quran</b></li> <li>Allah memberikan pembalasan terhadap <b>golongan yang menentang agamanya</b> setelah diutuskan rasul dan diberikan keterangan yang jelas.</li> </ul>

**TAJUK :  
AL-RAQIB**

Maksud al-Raqib

- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah **Maha Mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk**

Bukti Allah bersifat al-Raqib

- Allah Maha Mengawasi manusia dalam **aspek kepatuhan** kepada perintah dan laranganNya.
- Allah sentiasa Mengawasi manusia dalam **aspek hubungan** sesama manusia.

**TAJUK :  
HINDARI  
AJARAN  
SESAT**

Takrif / Maksud Ajaran Sesat

- Ajaran yang **didakwa sebagai ajaran Islam** sedangkan hakikatnya **bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah**.

Contoh ajaran sesat

- Ajaran Ayah Pin - Qadiani
- Taslim - Bahai

Ciri ajaran sesat

Aspek	Ciri kesesatan
Al-Quran & Hadis	- Memahami dan mentafsir al-Quran dgn logik akal semata-mata, - Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi
Akidah	- Mengaku menjadi nabi atau rasul - Mendakwa gurunya dapat menebus dosa
Ibadah	- Menolak kewajipan solat fardu - Menghalalkan pezinaan atas nama nikah
Akhlak	- Mengejek dan mempersendakan sahabat Nabi SAW - Bersikap taksub dengan ajaran guru sehingga anggap hanya kumpulannya yang benar

Kesan melakukan ajaran sesat

Aspek	Kesan Melakukan Ajaran Sesat
<b>Agama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melemahkan iman dan merosakkan akidah.</li> <li>• Menjatuhkan imej umat Islam.</li> </ul>
<b>Ekonomi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melahirkan individu yang pasif dan malas.</li> <li>• Membelanjakan wang kepada perkara yang tidak berfaedah</li> </ul>
<b>Politik</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggugat kestabilan politik akibat tindakan keganasan.</li> <li>• Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni akibat taksub kepada pemimpin kumpulan</li> </ul>
<b>Kemasyarakatan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membentuk individu masyarakat yg bersikap agresif &amp; kasar.</li> <li>• Memutuskan hubungan silaturrahim dan persaudaraan Islam.</li> </ul>

Cara menjauhi ajaran sesat

- Berdoa memohon petunjuk agar sentiasa berada di jalan benar.
- Bertaubat kepada Allah atas keterlanjuran beramal dengan ajaran sesat
- Bersahabat dengan orang alim supaya dapat dibimbing ke arah kebaikan.

Aliran Pemikiran sesat dan salah

- **Liberalisme Agama** = Aliran pemikiran yang menyeru kepada kebebasan dan keterbukaan dalam mentafsir agama.
- **Pluralisme Agama** = Aliran yang menganggap semua agama sama dan membawa kebaikan



**TAJUK :  
AHLI  
AL-SUNNAH  
WAL-JAMAAH**

Takrif Ahli  
Al-Sunnah  
Wal-Jamaah

- Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan Al-Sunnah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak.

Nama lain ASWJ

- As-Salaf as-Soleh - Al-Asya'irah
- Ahlu al-Hadis - Al-Maturidiyah

Prinsip  
Ahli Al-Sunnah  
Wal-Jamaah

- Meyakini kewujudan perkara ghaib seperti hari akhirat, malaikat, jin dan sebagainya.
- Meyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud, sebelum dijadikan makhluk.
- Perutusan para nabi & rasul adalah harus bg Allah & ia rahmat Allah kepada manusia.

Kepentingan  
berpegang dengan  
akidah ASWJ

- Menjamin keamanan negara dengan kesatuan akidah
- Mendapat keredhaan Allah SWT kerana berpegang dengan akidah yang benar
- Menjamin keharmonian hidup masyarakat kerana menghayati ajaran sebenar

Aliran yang  
bertentangan dengan  
Ahli Al-Sunnah  
Wal-Jamaah

Aliran Yang Bertentangan Dengan ASWJ	Prinsip Utama :
<p><b>Sejarah / Takrif : SYIAH</b></p> <p>Kumpulan yang menuntut supaya Sayidina Ali bin Abu Talib r.a. dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW dan berkeyakinan bahawa hanya Ahlu al-Bait sahaja yang lebih baik memegang jawatan khalifah</p>	<p><b>Prinsip Utama Syiah:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Menyanjung Sayidina Ali r.a secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW.</li> <li>2) Menambah nama Sayidina Ali r.a. dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW.</li> </ol>
<p><b>Sejarah / Takrif : KHAWARIJ</b></p> <p>Kumpulan pengikut Sayidina Ali Bin Abu Talib r.a. yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim.</p>	<p><b>Prinsip Utama Khawarij:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.</li> <li>2) Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.</li> </ol>
<p><b>Sejarah / Takrif : MUKTAZILAH</b></p> <p>Kumpulan yang diasaskan oleh Wasil Bin 'Ata' setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau Hasan al-Basri tentang kedudukan pelaku dosa besar.</p>	<p><b>Prinsip Utama Muktazilah:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) <b>Al-Tauhid</b> : Menafikan sifat ma'ani ( معاني ) pada Zat Allah SWT.</li> <li>2) <b>Al-'Adl</b> ( العدل ): Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka sama ada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT.</li> </ol>

Pandangan ASWJ  
dan aliran yang  
bertentangan  
dengannya tentang  
beberapa isu.

ISU	AHLI AL-SUNNAH WAL-JAMAAH	ALIRAN YANG LAIN
<b>Adakah Al-Quran Makhluk?</b>	Meyakini bahawa al-Quran merupakan Kalam Allah SWT yang bersifat Qadim (Sedia ada)	<b>Muktazilah</b> : Mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk yang bersifat hadis (baharu)
<b>Melihat Allah SWT</b>	Meyakini bahawa semua orang beriman dapat melihat Allah SWT pada hari akhirat kelak	<b>Muktazilah</b> : Mengatakan bahawa adalah mustahil makhluk boleh melihat Allah SWT kerana Allah tidak menyerupai makhluk
<b>Pelaku Dosa Besar</b>	Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat	<b>Khawarij</b> : Pelaku dosa besar dianggap kafir <b>Muktazilah</b> : Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka
<b>Kedudukan Iman</b>	ASWJ mempercayai bahawa iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan	<b>Khawarij dan Muktazilah</b> : Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran.

Cara menangani aliran Syiah / Khawarij / Muktazilah daripada terus berleluasa

- Memperbanyakkan majlis ilmu seperti ceramah, kuliah agama dan lain-lain.
- Memberi nasihat supaya mereka bertaubat dan kembali kepada agama Islam
- Menguatkuasakan undang-undang demi memelihara ajaran Islam.

**NOTA TUDINGAN : PENDIDIKAN ISLAM SPM 2023**  
 Disediakan oleh : Ust Mohd Fadhli Che Kamarudin ( SMK Kuala Krai )



**TAJUK ;  
HAJI DAN  
UMRAH**

Maksud Haji

- Mengunjungi Baitullah Al-Haram pada **bulan-bulan haji** untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.

Maksud Umrah

- Mengunjungi Baitullah Al-Haram pada **bila-bila masa** untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.

Bulan Haji

- Syawal - Zulkaedah - 1 - 13 Zulhijjah

Syarat wajib haji

- Islam - Baligh - Berakal
- Merdeka - Berkemampuan

Rukun haji

- Niat mengerjakan haji - Wukuf di Arafah
- Tawaf - Saie
- Bergunting atau bercukur rambut - Tertib

Ciri-ciri berkemampuan

- Ada kenderaan pergi dan balik - Aman perjalanan
- Sihat tubuh badan
- **Perbelanjaan** : - Cukup perbelanjaan untuk buat haji & umrah pergi dan balik  
 - Cukup keperluan nafkah asas bagi orang yang ditinggalkan di bawah tanggungan
- **( Khusus Perempuan shj )** - Mendapat keizinan suami atau wali  
 - Ditemani oleh mahram @ kumpulan perempuan yang dipercayai

Perkara wajib haji

- Niat ihram di Miqat - Bermalam di Muzdalifah
- Melontar di Jamaratul Kubra. - Bermalam di Mina
- Melontar di ketiga-tiga jamrah - Meninggalkan perkara yang dilarang semasa ihram

Waktu bermula dan berakhir wukuf di Arafah

Jenis miqat

- Miqat Makani
- Miqat Zamani

Larangan semasa ihram haji / umrah

- Menyapu minyak rambut - Memotong kuku
- Mencabut bulu atau rambut - Memburu binatang buruan
- Memakai pakaian berjahit (L) - Menutup kepala (L)
- Menutup muka (P) - Memakai sarung tangan (L & P)

Berada di Arafah walaupun seketika bermula dari masuk waktu Zuhur 9 Zulhijjah hingga sebelum masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijjah.

Perbezaan haji & umrah

HAJI	UMRAH
Dikerjakan pada bulan haji sahaja	Pada bila-bila masa sepanjang tahun
Wajib wuquf	Tiada wuquf
Bermalam di Mina	Tiada bermalam di Mina

Hikmah menunaikan haji dan umrah

**Rohani**

- **Menghapuskan dosa** dan meraih ganjaran syurga kerana pengorbanan harta dan tenaga
- **Menzahirkan ketaatan** dalam melaksanakan perintah Allah bagi mencapai rahmat Allah

**Sosial**

- **Saling mengenali** sesama umat Islam walaupun berbeza bangsa negara.

**Ekonomi**

- **Meningkatkan taraf hidup** umat Islam dengan menabung dalam tabung haji agar dana umat Islam meningkat.
- **Meningkatkan dana umat Islam** dan mewujudkan sumber pendapatan baru

Amalan sunat haji dan umrah

- Mandi sunat Ihram
- Memperbanyak talbiah
- Solat sunat Ihram

Jenis Haji

- Haji Ifrad
- Haji Tamattuk
- Haji Qiran

**TAJUK: MUAMALAT DALAM ISLAM**

Unsur yang diharamkan dalam muamalat

- Riba - Gharar - Dharar - Judi

Matlamat pensyariatan muamalat Islam

- Menunjukkan keadilan Allah SWT dalam mengatur urusan manusia
- Menjaga kepentingan penjual dan pembeli / penyewa dan pemberi sewa
- Mendapat keredaan Allah kerana melakukan suruhanNya

Maksud Akad dalam Muamalat Islam.

- Ijab dan kabul dalam urusan perniagaan dan kewangan.

Rukun Akad	Syarat Akad dalam Muamalat Islam
• Pihak Yang Berakad	• Penjual dan pembeli mestilah baligh & berakal • Melibatkan dua pihak dan bebas membuat pilihan
• Sesuatu Yang Diakadkan	• Mestilah wujud ketika akad berlaku • Dapat diserahkan ketika akad.
• Sighah	• Lafaz ijab dan lafaz kabul adalah sepadan. • Lafaz ijab dan lafaz kabul dalam satu pertemuan

Rukun akad dan syarat akad dalam Muamalat Islam

Contoh akad dalam Muamalat Islam

- Jual beli - Sewaan
- Hibah - Wakaf
- Musyarakah - Wakalah - Rahn

**TAJUK : SOLAT SUNAT DUHA**

Maksud solat sunat Duha

- Solat sunat yang dilakukan pada waktu **antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari.**

Cara / kaifiat solat sunat Duha

- Niat - Bilangan rakaat 2,4,6 atau 8 rakaat.
- Digalakkan secara bersendirian.
- Bacaan: al-fatihah dan mana-mana surah, di kedua-dua rakaat.
- Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam

Hikmah solat sunat Duha

- Mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah SWT.
- Membuktikan ketaatan kepada Allah SWT setiap masa.

**TAJUK : SOLAT SUNAT GERHANA**

Maksud solat sunat Gerhana

- Solat yang dilakukan **ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan** dengan cara-cara yang tertentu

Amalan yang dianjurkan ketika gerhana.

- Solat sunat Gerhana - Berdoa
- Bertakbir - Bersedekah
- Memperbanyak istighfar

Tarikh Pensyariatan solat Gerhana

Solat Gerhana Matahari	Pada tahun <b>Kedua Hijrah</b>
Solat Gerhana Bulan	Pada tahun <b>Kelima Hijrah</b>

Hikmah menunaikan solat Gerhana

- Memberikan peringatan agar manusia tidak melakukan kemungkaran
- Mendapat ganjaran pahala melaksanakan ketaatan kepada Allah kerana mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW

Perbandingan antara solat Gerhana dan solat Duha.

Solat Gerhana	Solat Duha
- 2 rakaat	- 2, 4, 6 atau 8 rakaat
- Digalakkan secara berjemaah.	- Digalakkan secara bersendirian
- Ada khutbah	- Tiada khutbah.

**TAJUK :  
SOLAT  
SUNAT  
ISTIKHARAH**

Maksud solat sunat Istikharah

- Solat yang dilakukan untuk **memohon petunjuk Allah SWT** dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara.

Hukum melakukan solat Istikharah

- Sunat

Cara / kaifiat solat sunat Istikharah

- Niat : Sahaja aku solat sunat istikharah dua rakaat kerana Allah taala
- Bilangan rakaat : 2 rakaat
- Cara pelaksanaan : bersendirian
- Berdoa dengan doa yang sesuai.

Hikmah solat sunat Istikharah

- **Meningkatkan keimanan** kepada Allah kerana menjadikan Allah sebagai tempat pergantungan
- Mendidik umat Islam agar **sentiasa memohon sesuatu kepada Allah** terutama dalam membuat keputusan.

**TAJUK :  
SOLAT  
SUNAT  
TASBIH**

Solat sunat Tasbih

- Solat sunat khusus yang mengandungi bacaan tasbih sebanyak 300 kali pada keseluruhan solat..

Hikmah menunaikan solat sunat Tasbih

- Memberi ketenangan jiwa kerana banyak berzikir kepada Allah
- Mendapat keampunan kerana mengamalkan Sunnah Rasulullah SAW
- Meraih ganjaran yang besar daripada Allah kerana banyak bertasbih

**TAJUK :  
PERKAHWINAN**

Maksud perkahwinan

- Akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syarak

Hikmah perkahwinan

- Memelihara keturunan yang baik untuk generasi akan datang.
- Mewujudkan ketenangan jiwa melalui hubungan cinta yang halal

**Maksud Wali :** Orang yang mempunyai kelayakan untuk menikahkan pengantin perempuan

Wanita yang haram dikahwini selama-lamanya

Keturunan	Penyusuan	Persemendaan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu</li> <li>• Nenek dan ke atas</li> <li>• Anak perempuan</li> <li>• Cucu perempuan</li> <li>• Ibu saudara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu susuan</li> <li>• Anak-anak ibu susuan</li> <li>• Adik-beradik susuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tiri dan ke atas</li> <li>• Ibu mertua</li> <li>• Menantu perempuan dan ke bawah</li> </ul>

**Jenis Wali :**

- 1) Wali mujbir
- 2) Wali bukan mujbir

Rukun nikah

- Bakal suami - Bakal isteri - Wali
- Dua orang saksi - Akad nikah (sighah) / Ijab dan kabul

Syarat bagi setiap rukun nikah

1) Suami	2) Wali	3) Saksi
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Islam</li> <li>• Lelaki</li> <li>• Bukan mahram kepada bakal isteri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Islam</li> <li>• Lelaki</li> <li>• Baligh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Islam</li> <li>• Lelaki</li> <li>• Baligh</li> </ul>

Sebab perpindahan wali nasab kpd wali hakim

- Tidak mempunyai wali nasab - Wali hilang dan tidak dapat dikesan
- Anak tidak sah taraf - Wali enggan mewalikan pernikahan

Implikasi perkahwinan yang tidak mengikut undang2 Islam

- Pasangan terpaksa dipisahkan jika didapati perkahwinan tidak sah mengikut hukum syarak
- Kesukaran mendaftar kelahiran anak untuk mendapatkan sijil kelahiran

**TAJUK :  
MEMINANG**

Maksud meminang

- Lamaran seorang lelaki kepada seorang perempuan untuk dijadikan calon isteri menurut uruf setempat.

Anggota yang harus dilihat semasa meminang

- Muka
- Kedua tapak tangan

**TAJUK :  
MAHAR**

<b>Maksud Mahar</b>	Pemberian yang bernilai atau berfaedah wajib diberikan oleh suami kepada isterinya dengan sebab akad nikah.
<b>Hukum Mahar</b>	Wajib
<b>Hukum Menyebut Mahar</b>	Sunat
<b>Jenis Mahar</b>	- Mahar Misil                      - Mahar Musamma
<b>Bentuk Mahar</b>	Sesuatu yang menilai atau berfaedah, seperti duit dan emas.

Tanggungjawab suami terhadap isteri

- Menyelesaikan mahar yang belum dijelaskan
- Memberikan kasih sayang, belas kasihan serta nafkah batin bagi memenuhi keperluan isteri

Tanggungjawab isteri terhadap suami

- Menjaga kemuliaan, maruah dan harta suami
- Mendapat keizinan suami sebelum keluar rumah

Tanggungjawab suami isteri

**Tanggungjawab Suami Isteri**

Dari Segi Akidah	Dari Segi Ibadat	Dari Segi Akhlak
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memelihara akidah keluarga daripada fahaman sesat</li> <li>• Memupuk asas ketakwaan yang mantap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memelihara keluarga daripada amalan yang menyeleweng</li> <li>• Memastikan anggota keluarga menunaikan tanggungjawab ibadat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan akhlak yang mulia</li> <li>• Menegur anggota keluarga yang melakukan kemungkaran</li> </ul>

**TAJUK :  
KEMAHIRAN  
KEIBUBAPAAN**

Kesan pengabaian tanggungjawab kepada anak keluarga.

- Anak-anak hidup terbiar
- Anak-anak membesar tanpa kasih sayang

Persiapan oleh bakal suami untuk menjamin kebahagiaan rumahtangga

- Menuntut ilmu yang berkaitan rumah tangga **supaya** dapat mendidik isteri & anak-anak.
- Persediaan dari aspek ekonomi **seperti** mempunyai pendapatan yang stabil

**TAJUK :  
ISU-ISU  
DALAM  
PERKAHWINAN**

Bentuk / jenis pembubaran perkahwinan

- Talak
- Khuluk
- Fasakh
- Li'an.

Isu-isu berkaitan perkahwinan

- Idah
- Rujuk
- Nusyuz
- Hadhanah
- Anak Angkat
- Poligami

1	TALAK
<b>Maksud Talak</b>	Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan
<b>Contoh Lafaz Talak</b>	1) <b>Jelas</b> : ("Aku ceraikan engkau") 2) <b>Kiasan</b> : ("Aku lepaskan engkau mulai hari ini")
<b>Jenis-jenis Talak</b>	1) <b>Talak Raj'ie</b> : Talak yang <b>boleh dirujuk</b> dalam tempoh idah tanpa akad nikah dan mahar yang baharu. 2) <b>Talak Bain</b> : Talak yang <b>tidak boleh dirujuk</b> kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baharu.

Hukum talak dan situasinya

<b>Harus</b>	Hukum asal talak ialah <b>Harus</b> iaitu syarak memberikan kebenaran untuk pasangan suami isteri membubarkan perkahwinan kerana sebab-sebab yang munasabah.
<b>Wajib</b>	Apabila berlaku perbalahan antara suami isteri yang tidak dapat didamaikan setelah melalui proses mahkamah.
<b>Sunat</b>	Apabila isteri berakhlak buruk.
